



**KAKITANGAN Redland Holiday Travel & Tours menjanjikan perkhidmatan dan layanan yang terbaik kepada para pelanggan.**

**Apakah perancangan syarikat untuk beberapa tahun khususnya dalam membangunkan industri ini?**

**WAN ROSMAWATI:** Saya dan ahli pengurusan syarikat kini dalam proses mengambil alih Pantai Emas Tour di Gold Coast, Australia untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan syarikat.

Pendekatan yang digunakan ialah untuk membangunkan pusat komuniti kebudayaan Malaysia yang dikenali sebagai Golden Legend Restaurant. Di sini bakal mengetengahkan pelbagai variasi pakaian, tarian dan restoran makanan melayu halal untuk mempromosi Malaysia.

Pelbagai kemudahan disediakan seperti pentas persembahan dan ruang pameran pakaian tradisi masyarakat. Melalui pendekatan ini, diharap masyarakat di sana dapat mengenali Malaysia dan secara langsung datang melawat ke Malaysia melalui agensi kami.

Kini kami sedang menggiatkan operasi perniagaan di beberapa buah negara seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara Islam di Asia barat.

**Apakah perancangan untuk mengekalkan permintaan produk dan perkhidmatan pelancongan terhadap**

**usaha menarik pelancong asing melawat Malaysia?**

**WAN ROSMAWATI:** Perancangan syarikat pada ketika ini lebih bertumpu kepada peningkatan jalinan ilmu dan kerjasama. Ia dibuat dengan penglibatan semua pihak untuk bersama-sama turun padang dalam mempromosi Malaysia ke persada antarabangsa sebagai sebuah destinasi pelancongan perlu dilawati.

Usaha ini dibuat secara progresif dalam menjamin kedatangan pelancong-pelancong asing ini terus meningkat dari tahun ke tahun melalui perkhidmatan yang sentiasa menambah nilai. Sebagai syarikat dan individu yang menitikberatkan soal mutu perkhidmatan, kami merasakan kerjaya sebagai pelopor industri produk dan perkhidmatan pelancongan menjanjikan prospek yang menguntungkan sambil membantu menarik ramai pelancong.

Selain itu, kami turut membuat kajian dan penyelidikan berdasarkan keperluan dan harapan kerajaan untuk membantu memajukan sektor ini.

**Apakah langkah-langkah syarikat mempromosi negara ini di persada antarabangsa?**

**WAN ROSMAWATI:** Sebagai warganegara Malaysia

yang cintakan tanah air, saya merasakan itu adalah tanggungjawab yang perlu dipikul dengan menerangkan tentang kehebatan-kehebatan negara ini.

Antara langkah yang diambil oleh syarikat ialah menghebahkan kepada masyarakat antarabangsa bahawa walaupun negara ini adalah negara Islam tetapi ia mendahulatkan keamanan sejagat melalui kewujudannya sebagai negara yang aman, maju dan tiada pertelingkahan di antara agama-agama yang dianuti.

Pelancong asing terutama dari Barat perlu diberi penerangan secara terperinci dan diubah persepsi mereka tentang Islam melalui negara ini yang selamat untuk dilawati.

**Dalam melaksanakan hal ehwal syarikat apakah mutu perkhidmatan yang dipertingkatkan?**

**WAN ROSMAWATI:** Saya kini merangka dan sedang melatih pelatih pengurusan atau pelajar praktikal kursus pelancongan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk menjalani latihan di syarikat ini.

Malah syarikat juga mengalu-alukan pelajar yang berminat menjalani latihan di sini dengan menghantar permohonan kepada syarikat.

Mereka akan diberi latihan dan pendedahan dan apabila syarikat mendapati mereka berpotensi syarikat menjanjikan peluang kerjaya kepada mereka di bidang ini.

Buat masa kini, kita mempunyai cawangan di setiap negeri untuk ditempatkan. Dalam pada itu, pekerja-pekerja turun dilatih agar mempunyai pakej imej yang baik. Di sini saya menyarankan agar semua pekerja saya mesti menguasai bahasa asing bagi memudahkan mereka untuk berkomunikasi dengan pelawat.

Bahasa juga memainkan peranan utama. Dalam perancangan syarikat untuk mempromosi negara, Kami cuba untuk mengetengahkan Bahasa Melayu kepada pelancong asing sebagai bahasa pengantara utama. Syarikat juga dalam proses menyediakan pakej umrah khususnya kepada rakyat Malaysia.

Selain itu, matlamat kami sekarang ialah menyediakan pakej khas untuk membantu peniaga-peniaga pasar malam.

Maklumat lanjut mengenai syarikat ini boleh diperolehi di Redland Holiday Travel & Tours Sdn Bhd, No 7 Jalan USJ 1/1C Regalia Business Centre 47620, Subang Jaya, Selangor atau di talian 03-80248171.